



FAZAKKIR

e-Tazkirah | Bil. 19 | Julai 2022 - Zulhijjah 1443H

Menjejak Makna Pengorbanan

Pelaksanaan ibadah dengan ILMU yang tepat akan membantu kita untuk yakin akan kesempurnaan sesuatu ibadah.

iDART

1. Apa yang ada dalam minda kita ketika melaksanakan ibadah korban?

Apabila kita menyelusuri sejarah Nabi Ibrahim AS yang bersedia menyembelih anaknya Nabi Ismail AS, hanya satu perkara yang penting untuk difahami iaitu kerana mentaati perintah Allah SWT. Kita sanggup menghabiskan harta kita untuk melaksanakan ibadah korban. Tidak lain dan tidak bukan semua ini adalah kerana kita berusaha keras untuk mentaati segala perintah Allah SWT kepada kita. Bahkan kita seharusnya tahu bahawa hokum melaksanakan ibadah korban ialah sunat muakkad.

Ibadah korban juga merupakan sunnah Rasulullah SAW. Baginda pernah menyembelih haiwan korban sebanyak 63 ekor iaitu ketika melakukan haji wada' pada tahun yang ke 10 hijrah. Walaupun ramai dalam kalangan kita yang tidak mampu untuk menyembelih sendiri haiwan korban, memadai jika kita berazam untuk tidak terlepas melaksanakan ibadah korban setiap tahun.

2. Apa tujuan kita?

Ibadah korban juga bertujuan untuk membersihkan jiwa kita terhadap Allah SWT. Ibadah yang ikhlas dilakukan semata-mata kerana Allah SWT pastinya akan diberi ganjaran yang besar di sisi Allah SWT. Walaupun kita mungkin berhadapan dengan dugaan kewangan, namun azam yang kuat serta keikhlasan kita dalam menunaikan ibadah kepada Allah SWT akan menjadikan kita lebih sentiasa terpilih untuk melaksanakan ibadah korban.

Ilmu berkenaan ibadah korban juga sangat penting untuk didalami oleh setiap muslim. Tanpa ilmu yang sahih, kita tidak akan dapat merasai kepentingan sesuatu amalan ibadah.

"Tidak ada amalan yang dilakukan oleh anak adam pada hari al-Nahr (Raya Aidiladha) yang lebih dicintai oleh Allah selain daripada menumpahkan darah (binatang korban). Sesungguhnya ia akan datang pada hari Kiamat dengan tanduknya, bulunya dan kukunya dan sesungguhnya darah tersebut akan sampai kepada redha Allah SWT sebelum ia jatuh ke bumi. Maka, bersihkanlah jiwa kamu (dengan berkorban)."

[Riwayat al-Tirmizi (1493)] [Imam al-Tirmizi menghukum hadith ini sebagai hasan gharib]

Tajwid Bersama UHA

IDGHAM MUTAQORIBAIN

إِدْغَامٌ مُتَقَرِّبَيْنِ

1. Apabila 2 huruf yang berhampiran makhras bertemu
2. Dimasukkan lafaz huruf pertama ke dalam huruf kedua: secara sempurna, atau tidak sempurna
3. Ada sabdu pada huruf kedua

Contoh:

Wajah pertama : secara sempurna

قُلْ رَبِّي

Wajah kedua: secara tidak sempurna

نَخْلُقْكُمْ

